

# PHARMANIAGA GERMACID OINTMENT

Sodium fusidate (2.0% w/w)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Pharmaniaga Germacid Ointment
2. Bagaimana Pharmaniaga Germacid Ointment berfungsi
3. Sebelum mengambil Pharmaniaga Germacid Ointment
4. Cara pengambilan Pharmaniaga Germacid Ointment
5. Semasa mengambil Pharmaniaga Germacid Ointment
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Pharmaniaga Germacid Ointment
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini risalah

## Apakah Kegunaan Pharmaniaga Germacid Ointment

Pharmaniaga Germacid Ointment digunakan secara langsung pada kulit dan luka. Ia merawat kulit dan luka yang disebabkan oleh jangkitan, terutamanya yang disebabkan oleh staphylococci.

Pharmaniaga Germacid Ointment tidak berfungsi terhadap jangkitan yang disebabkan oleh virus dan bakteria lain, yang mempunyai daya ketahanan.

## Bagaimana Pharmaniaga Germacid Ointment Berfungsi

Pharmaniaga Germacid Ointment mengandungi antibiotik, yang dikenali sebagai sodium fusidate. Antibiotik ini digunakan untuk membunuh bakteria, terutamanya dari sejenis bakteria yang dikenali sebagai staphylococci. ("Staph") Staphylococci adalah bakteria yang boleh menyebabkan jangkitan menjadi teruk.

## Sebelum mengambil Pharmaniaga Germacid Ointment

### Bila tidak boleh mengambil

Jangan gunakan ubat ini jika anda mempunyai alahan atau mempunyai tindak balas kepada:

- sebarang ubat yang mengandungi sodium fusidate atau asid fusidic.
- mana-mana bahan yang disenaraikan pada akhir risalah ini.

Beberapa gejala disebabkan tindak balas alahan termasuk sesak nafas, semput atau kesukaran bernafas,

bengkak pada muka, bibir, lidah atau bahagian-bahagian badan yang lain; ruam, gatal-gatal pada kulit.

Jangan gunakan ubat ini:

- selepas melepas tarikh luput yang dicetak pada pek, atau
- jika bungkusannya koyak atau menunjukkan tanda-tanda telah dibuka.

Jika anda tidak pasti sama ada anda perlu mula menggunakan ubat ini, bertanya dengan doktor anda.

### Sebelum mengambil Pharmaniaga Germacid Ointment

Beritahu doktor jika anda mempunyai alahan kepada Pharmaniaga Germacid Ointment atau mana-mana bahan yang disenaraikan pada akhir risalah ini.

Beritahu doktor jika anda hamil, merancang untuk hamil atau sedang menyusukan bayi.

### Jika mengambil ubat-ubatan lain

Beritahu doktor anda jika anda mengambil ubat-ubatan lain, termasuk ubat-ubatan yang anda beli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah fungsi ubat mungkin terjejas oleh Pharmaniaga Germacid Ointment atau boleh menjelaskan bagaimana Pharmaniaga Germacid Ointment berfungsi. Anda mungkin memerlukan dos ubatubatan yang berbeza, atau anda mungkin perlu mengambil ubatubatan yang berbeza.

Pharmaniaga Germacid Ointment digunakan pada kulit yang tidak akan mengganggu rawatan anti-bakteria lain biasanya, seperti contoh tablet atau suntikan antibiotik.

Doktor dan ahli farmasi akan memaklumkan mengenai ubatubatan dengan lebih lanjut sebagai langkah berhati-hati atau apa yang perlu dielakkan semasa menggunakan ubat ini.

## Cara pengambilan Pharmaniaga Germacid Ointment

Ikuti semua arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi dengan teliti, atau ahli farmasi anda. Baca arahan pada label dengan teliti.

### Berapa banyak harus diambil

#### **tanpa pembalut luka:**

biasanya disapu dua atau tiga kali sehari.

#### **dengan pembalut luka:**

biasanya sekali sapuan pada setiap hari adalah mencukupi.

Purata tempoh rawatan adalah tujuh hari. Sesetengah jangkitan mungkin memerlukan tempoh rawatan yang lebih panjang.

### Bila perlu diambil

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

Gunakan Pharmaniaga Germacid Ointment pada waktu yang sama setiap hari. Ini adalah untuk memastikan kesan antibiotik yang stabil dan supaya anda tidak lupa untuk menggunakan.

### Berapa lama perlu diambil

Ikuti arahan doktor dan ahli farmasi dengan teliti. Arahannya mungkin berbeza daripada maklumat yang terkandung dalam risalah ini.

Teruskan penggunaan ubat anda sehingga doktor memberitahu anda untuk berhenti menggunakan.

### Jika terlupa mengambil

Ikut arahan label dengan teliti dan seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat.

### Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Gunakan tisu untuk mengelap ubat yang berlebihan sekiranya anda secara tidak sengaja memiciti ubat ini dalam kuantiti yang banyak.

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa sahaja secara tidak sengaja tertelan ubat ini. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan dengan segera.

# PHARMANIAGA GERMACID OINTMENT

Sodium fusidate (2.0% w/w)

## Semasa mengambil Pharmaniaga Germacid Ointment

### -Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan gunakan Pharmaniaga Germacid Ointment untuk merawat sebarang aduan lain melainkan seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

Jangan berikan ubat anda kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai keadaan yang sama seperti anda.

Jangan berhenti menggunakan ubat anda tanpa diperiksa oleh doktor.

### -Perkara yang perlu diberi perhatian

Elakkan Pharmaniaga Germacid Ointment daripada terkena mata. Ketahanan bakteria dilaporkan telah berlaku apabila produk ini digunakan secara topikal. Seperti dalam semua antibiotik topikal, penggunaan yang kerap dan berulang boleh meningkatkan risiko pemekaan sentuhan dan perkembangan ketahanan antibiotik.

## Kesan-sesan Sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Pharmaniaga Germacid Ointment boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya. Sila lawat doctor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami kesan sampingan apabila mengambil ubat ini.

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda mengalami sebarang kesan yang tidak menyenangkan semasa anda menggunakan Pharmaniaga Germacid Ointment walaupun ianya tidak disenaraikan di dalam risalah ini.

Berhenti menggunakan Pharmaniaga Germacid Ointment dan hubungi doktor anda atau pergi ke Jabatan Kecemasan di hospital terdekat jika anda mendapati mana-mana daripada yang berikut:

- gatal-gatal yang teruk dan secara tiba-tiba, kemerahan, gatal-gatal atau ruam di sekitar kawasan yang disapu
- loya atau muntah-muntah
- Bengkak pada muka, bibir, mulut, lidah atau tekak dengan kesukaran bernafas.

Ini adalah kesan sampingan yang sangat serius. Jika anda mengalaminya, anda mungkin mempunyai reaksi alahan yang serius kepada Pharmaniaga Germacid Ointment. Semua kesan sampingan ini jarang berlaku.

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda mengalami mana-mana yang berikut dan membimbangkan anda:

- kerengsaan ringan atau sakit di kawasan yang dirawat
- Hipersensitiviti (alergi) kepada sodium fusidate atau asid fusidic atau bahan-bahan yang terkandung di dalam ubat ini

Beritahu doktor jika anda mengalami apa-apa yang membuat anda rasa tidak sihat.

Kesan sampingan yang lain yang tidak disenaraikan di atas juga boleh berlaku pada sesetengah orang.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835549 atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (Public→Reporting Medicinal Problems / Side Effects (ConSERF) or Vaccine (AEFI)).

## Cara Penyimpanan dan Pelupusan Pharmaniaga Germacid Ointment

### -Penyimpanan

Jauhi daripada capaian dan penglihatan kanak-kanak.

Simpan dibawah 25°C.

Jangan gunakan Pharmaniaga Germacid Ointment yang telah tamat tempoh. Tarikh luput adalah merujuk kepada hari terakhir dalam bulan tersebut.

### -Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat Lanjut

### -Rupa dan warna produk

Salap yang berwarna putih dan licin.

### -Bahan-bahan kandungan

- Bahan Aktif  
Sodium fusidate 2.0% w/w
- Bahan tidak aktif  
Liquid paraffin, Cetomacrogol, Cetostearyl Alcohol, White Soft Paraffin.

### -Nombor MAL

MAL19973684AZ

## Manufacturer

Pharmaniaga Manufacturing Berhad (60016-D),  
11A, Jalan P/1, Kawasan Perusahaan Bangi, 43650, Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

## Product Registration Holder

Pharmaniaga Manufacturing Berhad (60016-D),  
11A, Jalan P/1, Kawasan Perusahaan Bangi, 43650, Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

## Date of Revision

13/08/2018

## Serial Number:

NPRA(R4/1)310718/00220